

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penilaian Kementerian mengenai kesan perubahan cara pendidikan disampaikan di sekolah terhadap murid-murid dari segi kemampuan belajar, kesihatan mental dan kepuasan terhadap persekolahan mereka memandangkan tempoh persekolahan telah dipendekkan manakala kurikulum masih dikekalkan akibat pandemik wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pandemik COVID-19 memberi kesan yang cukup mendalam kepada seluruh rakyat. Khusus bagi sektor pendidikan, sekolah terpaksa ditutup dan menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan PdP terus dilaksanakan agar semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran dalam keadaan selamat.

Dalam tempoh sekolah ditutup, KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Apabila sekolah dibuka semula mulai 24 Jun 2020, murid dapat kembali berpeluang mengikuti pembelajaran secara bersemuka di sekolah. Namun masih ada

sebahagian murid yang mengikuti PdP secara *Home-based Learning*, khususnya bagi sekolah yang melaksanakan modul penggiliran.

Bagi memantapkan pelaksanaan *Home-based Learning*, Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) disediakan sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pelbagai kaedah PdP yang dapat dilakukan dari rumah seperti dalam talian (*online*), luar talian (*offline*) atau *off-site*. Secara keseluruhan, guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan merancang melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi murid yang mempunyai peranti serta akses internet di rumah, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui beberapa platform. Antaranya, pelantar pembelajaran Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA) dan video pendidikan dalam portal EduwebTV serta video pendidikan yang dikongsikan oleh guru-guru dalam portal CikgooTube.

Manakala, bagi murid yang tidak mempunyai akses internet atau peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, guru mengambil inisiatif melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Selain daripada itu, PdP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan dengan mengambil inisiatif memperkenalkan semula TV Pendidikan secara terrestrial bermula pada 6 April 2020. Keseluruhan waktu siaran TV Pendidikan di TV Okey RTM, Tutor TV Astro dan NTV7 adalah selama sembilan (9) jam sehari.

Setelah sekolah dibuka semula secara berperingkat, murid dapat kembali berpeluang mengikuti pembelajaran secara bersemuka dan berinteraksi dengan guru. Namun, situasi ini tidak berpanjangan kerana semua sekolah terpaksa ditutup semula mulai 9 November 2020 berikutan gelombang ketiga pandemik COVID-19. Dalam situasi kali ini, murid dan guru lebih bersedia untuk melaksanakan PdP di rumah kerana

mereka telah mempunyai pengalaman semasa PKP sebelum ini. Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPM menyedari bahawa sesi persekolahan tahun ini turut memberi kesan kepada psikologi mental murid. Oleh itu, sepanjang tempoh sekolah ditutup, murid boleh berhubung dengan Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah jika memerlukan bimbingan dan nasihat. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah melalui tele-kaunseling, panggilan telefon dan aplikasi WhatsApp. Selain itu, video pendek dan infografik disediakan sebagai rujukan untuk murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang mengumpul maklumat mengenai kesan persekolahan dan pelaksanaan pembelajaran dalam talian terhadap kesejahteraan emosi murid. Ini akan menjadi panduan kepada KPM untuk merangka pendekatan dan bentuk sokongan psiko-sosial terhadap kesejahteraan mental murid kesan daripada perubahan kaedah pembelajaran akibat pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.